



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPM.MBKM.700-2/1/1 Jld.24 (60)

Tarikh: 2 April 2024

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Dr./ Tuan,

PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2024

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama agensi perbukuan dan persatuan-persatuan industri buku negara, akan menganjurkan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2024 (PBAKL 2024) kali ke-41 bermula pada **24 Mei hingga 2 Jun 2024** bertempat di Pusat Dagangan Dunia (WTC), Kuala Lumpur. Waktu lawatan ke PBAKL 2024 bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam setiap hari. Masuk adalah **percuma**.

3. Untuk makluman, PBAKL 2024 merupakan pesta buku yang terbesar dan terunggul di negara ini. PBAKL 2024 akan disertai penerbit buku tempatan dan penerbit daripada luar negara.

4. Sehubungan itu, kerjasama adalah dimohon untuk memaklumkan kepada guru-guru dan murid-murid di sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/ Dato'/ Datu/ Dr./ Tuan bagi menggalakkan mereka mengunjungi PBAKL 2024. Pihak sekolah dimohon untuk mengemukakan permohonan lawatan melalui Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Urus Setia PBAKL 2024 (MBKM) di talian telefon 03-8321 7011 atau melalui emel: mbkm@moe.gov.my.

Jalinan kerjasama dan sokongan semua pihak amat diperlukan dalam memastikan budaya membaca diperkasakan dan dapat memeriahkan lagi penganjuran PBAKL tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)

s.k.:

1. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)
2. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
3. Pengarah
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
4. Pegawai Pendidikan Daerah